

Risalah Asas
Solat Jenazah

Muhammad Aiman Ghazali Al-Payungi

Terbitan kedua edisi e-buku
Mei 2023

©Jeem Publications

Penulis:
Muḥammad Aiman Ghazali al-Payungi

Penyunting:
Muḥammad Syazani Satri al-Jitrawi
Abdul Azim Afkar bin Che Mohammad Yahya

Pihak penerbit memohon ampun kepada Allah ﷻ dan maaf kepada sidang pembaca atas seberang kelemahan yang terkandung dalam penulisan ini.

Sebarang pembetulan atau cadangan adalah dialu-alukan dan boleh dihantar ke alamat e-mel: muḥammadaljitrawiy@gmail.com

Jadual Transliterasi

Arab	Latin
ء\أ	’
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	ḥ
خ	kh
د	d
ذ	dz
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	ṣ

Arab	Latin
ض	ḍ
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	‘
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
هـ	h
و	w
ي	y

Vokal Panjang	
آ	Ā/ā
وْ	Ū/ū
يْ	Ī/ī

Vokal Pendek	
ـَـ	a
ـُـ	u
ـِـ	i

Isi Kandungan

Jadual Transliterasi..... 3

Isi Kandungan..... 4

Muqaddimah..... 6

Definisi Jenazah.....7

Tanbih.....7

Masalah.....7

Fasal Pertama: Adab Ketika Menghadapi Kematian dan Sesudahnya..... 8

Adab Ketika Menghadapi Sakaratul Maut 9

Adab Selepas Kematian..... 9

Hukum Menguruskan Jenazah..... 10

Masalah..... 10

Fasal Kedua: Mandi Jenazah..... 11

Hukum Memandikan Jenazah 12

Cara Memandikan Jenazah.....12

Masalah.....13

Fasal Ketiga: Hukum Kafan.....15

Hukum Kafan Terbahagi kepada Tiga 16

Cara Kafan Jenazah.....16

Masalah.....16
Fasal Keempat: Hukum Solat Jenazah.....18
Hukum Solat Jenazah.....19
Waktu Solat Jenazah.....19
Syarat Solat Jenazah.....19
Tanbih.....19
Kedudukan Jenazah Ketika Solat.....20
Rukun Solat Jenazah.....21
Faedah.....22
Masalah.....25
Fasal Kelima: Hukum Mengebumikan Jenazah.....26
Hukum Mengebumikan Jenazah.....27
Cara Mengebumikan Jenazah.....27
Masalah.....28
Faedah.....28

Muqaddimah

a) Definisi Jenazah:

- *Al-Janāzah* (الْجَنَازَة) – dengan baris fathah – merupakan nama bagi mayat yang berada di dalam keranda.
- *Al-Jināzah* (الْجِنَازَة) – dengan baris kasrah – merupakan keranda yang mayat berada di dalamnya.

TANBIH:

- Ada juga ulama yang berpendapat sebaliknya bagi masalah di atas.
- Kesimpulannya, perbahasan ini ialah proses pengurusan mayat bermula daripada memandikannya, solat jenazah dan mengebumikannya.

b) Masalah:

1. Sunat mengingati kematian dalam hati dan menyegerakan taubat.
2. Makruh bercita-cita untuk mati tanpa bimbang fitnah terhadap agama dan bekalannya.

Fasal Pertama

Adab Ketika Menghadapi Kematian dan Sesudahnya

a) Adab Ketika Menghadapi Sakaratul Maut:

1. Mengiringkan orang yang menghadapi Sakaratul Maut dengan rusuk kanan ke arah kiblat.

   Sekiranya tidak mampu, maka dengan membaringkannya kemudian meninggikan kepala menghadap kiblat bersama hujung jarinya.

2. Mentalkinkannya dengan syahadah (لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ) menggunakan suara yang lembut dan perlahan.
   Yang paling afdal, orang yang mentalkinkan itu bukanlah ahli waris sekiranya dibimbangi akan ditohmah dengan perwarisan. Adapun jika tidak berlaku, maka ahli waris yang paling afdal kerana mereka yang paling memiliki sifat ihsan ketika itu.

3. Membaca di sisinya surah Yasin (يسٓ) dan al-Ra'd (الرَّعْدُ).

4. Bersangka baik dengan Allah dan melatih serta mengajarkan dia bertaubat dan menulis surat wasiat.

b) Adab Selepas Kematian, Sebelum Dikebumikan:

1. Memejamkan mata mayat.
2. Mengikat geruang (di bawah dagunya) dengan kain.
3. Mengurut sendi-sendinya dengan minyak sekiranya diperlukan.
4. Membuka pakaian mayat dan memakaikannya dengan kain yang ringan.
5. Membaringkannya di atas perbaringan dalam keadaan berbaring dan hujung jari serta kepalanya menghadap kiblat.

6. Meletakkan sesuatu yang berat sedikit di atas perutnya.
7. Melakukan semua di atas dalam keadaan mendoakan kebaikan buatnya.
8. Bersegera menyelesaikan tanggungjawab si mati seumpama hutang dan lain-lain.
9. Memaklumkan kematian kepada masyarakat.
10. Bersegera menguruskan jenazah.

c) Hukum Menguruskan Jenazah:

- Hukumnya adalah fardu kifayah bagi setiap orang yang mengetahui kematian itu dalam kalangan orang Islam lelaki yang mukalaf.
- Maka tidak memadai jika dikerjakan oleh malaikat, perempuan atau kanak-kanak, melainkan jika tertentu ke atas mereka.

d) Masalah:

1. Adapun pada masalah mandi jenazah yang dilakukan oleh jin, ada berlaku khilaf. Ia memadai di sisi Imam Muhammad al-Ramli, namun tidak memadai di sisi Imam Ibn Hajar.
2. *Ḍābiṭ* mayat yang wajib diuruskan seperti biasa ialah tiap-tiap orang Islam yang mati selain daripada syahid dan janin.

Fasal Kedua

Mandi Jenazah

a) Hukum Memandikan Jenazah:

1. Wajib:
   (i) Bagi mayat orang Islam yang bukan mati syahid di medan perang.
   (ii) Janin yang keguguran yang memiliki tanda-tanda hidup atau sudah berupa dengan rupa anak Adam.
2. Harus:
   (i) Bagi mayat orang kafir.
   (ii) Janin yang keguguran yang belum berbentuk dengan rupa manusia.
3. Haram:
   (i) Bagi mayat orang yang syahid di medan perang.

b) Cara Memandikan Jenazah:

- Sekurang-kurang mandian (had yang wajib) ialah meratakan air pada sekalian badan jenazah.
- Adapun cara yang paling sempurna adalah dengan beberapa kaedah:

1	Kaedah Air Tiga	• Dimulai dengan air bidara. • Kemudian air mutlak. • Disudahi dengan air kapur barus.
2	Kaedah Air Lima	• Dimulai dengan air bidara. • Kemudian air mutlak. • Kemudian air bidara. • Kemudian air mutlak. • Disudahi dengan air kapur barus.
3	Kaedah Air Tujuh	• Dimulai dengan air bidara. • Kemudian air mutlak.

		• Kemudian air bidara. • Kemudian air mutlak. • Kemudian air bidara. • Kemudian air mutlak. • Disudahi dengan air kapur barus.
4	Kaedah Air Sembilan	• Dimulai dengan air bidara. • Diselangi dengan air mutlak sehingga mandian kelapan. • Disudahi dengan air kapur barus.

c) Masalah:

1. Air bidara dan air kapur barus hanyalah sunat. Mandian tetap sah tanpa kedua-duanya.
2. Dijirus air secara perlahan ke bahagian kepala jenazah, kemudian ke bahagian dada hadapan sebelah kanan, kemudian dada hadapan sebelah kiri, kemudian bahagian belakang sebelah kanan, kemudian bahagian belakang sebelah kiri. Apabila selesai semua ini, baru dikira satu mandian.
3. Mesti menjaga pandangan ketika melakukan proses mandian. Wajib menutup bahagian aurat jenazah.
4. Sebaiknya yang memandikan jenazah lelaki ialah orang lelaki dan yang terbaik adalah yang paling faqih. Harus suami memandikan jenazah isterinya dan sebaliknya.
5. Sekiranya tiada orang yang sejantina yang boleh memandikan jenazah melainkan semuanya adalah ajnabi, maka ditayamumkan jenazah.

6. Jika tidak boleh memandikan jenazah kerana ketiadaan air atau boleh merosakkan jasadnya disebabkan ia telah terbakar atau sebagainya, maka ditayamumkan juga jenazah tersebut.

Fasal Ketiga
Hukum Kafan

a) Hukum Kafan Terbahagi kepada Tiga:

1. Wajib:
   (i) Bagi mayat orang Islam atau kafir zimmi.
   (ii) Janin yang keguguran yang memiliki tanda hidup atau telah berupa dengan rupa manusia.
2. Sunat:
   (i) Janin yang keguguran dan belum zahir rupa manusia.
3. Harus:
   (i) Mayat kafir harbi.

b) Cara Kafan Jenazah:

- Sekurang-kurang kafan (had yang wajib) ialah sehelai kain yang menutupi bahagian tubuhnya sama ada lelaki atau perempuan.
- Cara yang paling sempurna:
  (i) Bagi jenazah lelaki: Tiga helai kain yang membaluti tubuh.
  (ii) Bagi jenazah perempuan: Dua helai kain yang membaluti tubuh, sehelai kain bawah, sehelai baju dan sehelai tudung (5 helai).

c) Masalah:

1. Sunat mengafankan jenazah dengan kain yang berwarna putih. Sah dengan warna-warna lain.
2. Sunat mengikat jenazah pada lima tempat:
   (i) Di atas dari kepala.
   (ii) Di bahu.
   (iii) Di pinggang.

(iv) Di lutut.

(v) Di bawah dari kaki.

3. Sunat membuat ikatan itu dengan baik dan mudah dibuka kembali ketika di dalam liang lahad.

Fasal Keempat
Hukum Solat Jenazah

a) Hukum Solat Jenazah:

1. Wajib:
   (i) Kepada orang Islam selain daripada syahid.
   (ii) Kepada janin yang keguguran dan memiliki tanda hidup.
2. Haram:
   (i) Syahid di medan perang melawan orang kafir.
   (ii) Janin yang keguguran dan tiada tanda hidup.
3. Khilaf Awla:
   (i) Mengulangi solat jenazah. Tidak disunatkan mengulangi solat jenazah.

b) Waktu Solat Jenazah:

- Bermula waktunya dengan selesai mandi jenazah atau perkara yang sama hukum dengannya seumpama tayamum.

c) Syarat Solat Jenazah:

- Syaratnya sama seperti syarat solat biasa, seumpama menutup aurat dan suci daripada hadas dan najis.
- Ditambah satu lagi syarat iaitu jenazah mestilah mendahului kedudukan makmum.

TANBIH:

- Gugur kefarduan solat jenazah dengan dilakukan oleh orang lelaki, sekalipun kanak-kanak.

d) Kedudukan Jenazah Ketika Solat

- Disyaratkan jenazah itu diletakkan di hadapan imam. Begitu juga jika sembahyang jenazah itu dilakukan di atas tanah perkuburan, maka hendaklah kedudukan kubur si mati berada di hadapan imam, dengan imam itu menghadap ke arah kiblat.
- Jika jenazah itu **lelaki,** maka afdal meletakkan kedudukan kepalanya di bahagian sebelah kiri imam dan kedudukan kakinya di bahagian belah kanan imam.
- Jika jenazah itu **perempuan,** maka afdal meletakkan kedudukan kepalanya di bahagian belah kanan imam dan kedudukan kakinya di bahagian belah kiri imam.
- Kecuali di dalam masjid Madinah (Masjid al-Nabawi) bagi mayat perempuan, kepalanya diletakkan di sebelah kiri jua.
- Sunat dalam solat jenazah, imam berdiri pada sisi kepala mayat lelaki dan pada sisi pertengahan badan mayat perempuan.
- Namun demikian, sekiranya ada imam yang menunaikan solat jenazah tidak mengikut kedudukan seperti ini, seperti di tengah-tengah jenazah lelaki dan di kepala perempuan, hukum solat tersebut adalah sah. Kedudukan ini dari segi hukum syarak adalah sunat sahaja.

e) Rukun Solat Jenazah:

1. Niat:

- Kerana sabda Rasulullah ﷺ :

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ

"Sesungguhnya amalan itu (dikira) dengan niat."

- Wajib menentukan mayat pada niat, sekalipun secara umum. Tidak wajib secara terperinci (tafsil). Memadai dengan disebut salah satu daripada bentuk ini:

(i) أُصَلِّي عَلَى هَذَا الْـمَيِّتِ.

"Sahaja aku solat ke atas mayat ini."

(ii) أُصَلِّي عَلَى زَيْدٍ.

"Sahaja aku solat ke atas Zaid."

(iii) أُصَلِّي عَلَى مَنْ صَلَّى عَلَيْهِ الْإِمَامُ.

"Sahaja aku solat ke atas orang yang disolatkan oleh imam."

(iv) أُصَلِّي عَلَى الْمَيِّتِ الْـمَوْجُودِ فِي الْـمِحْرَابِ.

"Sahaja aku solat ke atas mayat yang ada di mihrab."

2. Empat takbir:

Termasuk dengan Takbiratul Ihram. Tetap sah sekalipun lebih menjadi lima kerana ianya adalah zikir. Sekiranya imam bertakbir lebih daripada empat kali takbir, maka makmum tidak dituntut untuk mengikutinya.

3. Berdiri bagi siapa yang mampu:
   Kerana solat jenazah adalah fardu kifayah. Harus untuk duduk bagi siapa yang tidak berkemampuan untuk berdiri.
4. Membaca al-Fatihah:
   Harus untuk dilakukan sama ada selepas Takbiratul Ihram atau selepas takbir kedua, atau takbir ketiga atau takbir keempat. Tidak wajib selepas Takbiratul Ihram, namun ia lebih afdal.
5. Selawat kepada Nabi ﷺ selepas takbir kedua:

   Sekurang-sekurangnya:

   اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ.

   "Ya Allah, berselawatlah ke atas Muhammad."

6. Berdoa kepada jenazah selepas takbir ketiga:
   Syaratnya, doa tersebut mestilah khusus kepada mayat. Tidak memadai dengan doa yang berbentuk umum.

FAEDAH:

- Sekurang-kurang doa yang boleh dibaca:

> ⚠ Kalimah Arab berwarna biru adalah untuk jenazah lelaki. Bagi jenazah perempuan, gantikan dengan kalimah berwarna merah jambu dalam kurungan.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ (لَـهَا) وَارْحَمْهُ (وَارْحَمْهَا)

"Ya Allah, ampunilah dia dan kasihilah dia."

Sekiranya berkelapangan, ditambah:

... وَعَافِهِ (عَافِهَا)، وَاعْفُ عَنْهُ (عَنْهَا)، وَأَكْرِمْ نُزُلَهُ (نُزُلَهَا)، وَوَسِّعْ مُدْخَلَهُ (مُدْخَلَهَا)، وَاغْسِلْهُ (وَاغْسِلْهَا) بِالْمَاءِ وَالثَّلْجِ وَالْبَرَدِ، وَنَقِّهِ (نَقِّهَا) مِنَ الْخَطَايَا كَمَا يُنَقَّى الثَّوْبُ الْأَبْيَضُ مِنَ الدَّنَسِ، وَأَبْدِلْهُ (أَبْدِلْهَا) دَارًا خَيْرًا مِنْ دَارِهِ (دَارِهَا)، وَأَهْلًا خَيْرًا مِنْ أَهْلِهِ (أَهْلِهَا)، وَزَوْجًا خَيْرًا مِنْ زَوْجِهِ (زَوْجِهَا)، وَأَدْخِلْهُ (أَدْخِلْهَا) الْجَنَّةَ وَأَعِذْهُ (أَعِذْهَا) مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ وَفِتْنَتِهِ وَمِنْ عَذَابِ النَّارِ. اللَّهُمَّ لَا تَحْرِمْنَا أَجْرَهُ (أَجْرَهَا)، وَلَا تَفْتِنَّا بَعْدَهُ (بَعْدَهَا)، وَاغْفِرْ لَنَا وَلَهُ (لَهَا) وَلِجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

"... serta peliharalah dia, maafkanlah dia, muliakanlah pemberian tamunya dan luaskanlah tempat masuknya. Mandikanlah dia dengan air, salji dan emping salji, serta sucikanlah dia daripada kesalahan seperti mana kain putih disucikan daripada noda. Berilah dia ganti rumah yang lebih baik daripada rumahnya, teman yang lebih baik daripada temannya dan pasangan yang lebih baik daripada pasangannya. Masukkanlah dia ke dalam syurga dan lindungilah dia dari azab kubur berserta fitnahnya serta lindungilah dia dari azab api neraka. Ya Allah, janganlah Engkau menghalang kami daripada ganjarannya dan jangan pula Engkau turunkan fitnah ke atas kami selepas daripada kematiannya. Ampunilah kami dan dia serta seluruh orang Islam, dengan rahmat-Mu wahai Yang Maha Penyayang dari sekalian penyayang."

- Sekiranya doa bagi kanak-kanak, maka dibaca:

  اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ (لَهَا) وَارْحَمْهُ (وَارْحَمْهَا)، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ (اجْعَلْهَا) فَرَطًا لِأَبَوَيْهِ (لِأَبَوَيْهَا)، وَسَلَفًا وَذُخْرًا وَعِظَةً وَاعْتِبَارًا وَشَفِيعًا، وَثَقِّلْ بِهِ (بِهَا) مَوَازِينَهُمَا، وَأَفْرِغِ الصَّبْرَ عَلَى قُلُوبِهِمَا، اللَّهُمَّ لَا تَحْرِمْنَا أَجْرَهُ (أَجْرَهَا) وَلَا تَفْتِنَّا بَعْدَهُ (بَعْدَهَا)، وَاغْفِرْ لَنَا وَلَهُ (لَهَا) وَلِجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ.

  "Ya Allah, ampunilah dia dan kasihilah dia. Ya Allah, jadikanlah dia pahala yang mendahului kedua-dua ibu bapanya, jadikan juga dia orang yang mendahului mereka, simpanan buat mereka, peringatan, iktibar dan pemberi syafaat buat mereka. Jadikanlah dia sebagai pemberat pada timbangan ibu bapanya. Curahkanlah kesabaran pada hati ibu bapanya. Ya Allah, janganlah Engkau menghalang kami daripada ganjarannya dan jangan pula Engkau turunkan fitnah ke atas kami selepas daripada kematiannya. Ampunilah kami dan dia serta seluruh orang Islam."

- Sunat berdoa selepas takbir keempat:

  (i) اللَّهُمَّ لَا تَحْرِمْنَا أَجْرَهُ (أَجْرَهَا) وَلَا تَفْتِنَّا بَعْدَهُ (بَعْدَهَا) وَاغْفِرْ لَنَا وَلَهُ (لَهَا).

  "Ya Allah, janganlah Engkau menghalang kami daripada ganjarannya dan jangan pula Engkau turunkan fitnah ke atas kami selepas daripada kematiannya."

(ii) رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً، وَفِي الْأَخِرَةِ حَسَنَةً، وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

"Wahai Tuhan kami, berikanlah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat serta lindungilah kami daripada azab api neraka."

7. Salam yang pertama:

   Adapun salam yang kedua adalah sunat.

   - Sekurang-kurangnya:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ.

   - Sunat menambahkan (وَبَرَكَاتُهُ) di sisi Imam Ibn Hajar.

f) Masalah:

1. Sunat mendahulukan ahli waris daripada kalangan *'aṣobah* untuk menjadi imam.

   Ayah dan ke atas lebih diutamakan daripada anak dan ke bawah.
2. Tidak disunatkan membaca doa iftitah pada solat jenazah. Adapun *ta'awudz* tetap disunatkan.
3. Sekiranya makmum lewat dua takbir daripada imam tanpa uzur, maka solatnya batal. Begitulah juga jika makmum mendahului.
4. **Solat ghaib:** Solat yang dilakukan kepada jenazah yang berada di luar negerinya. Disyaratkan dia adalah ahli yang wajib solat pada waktu matinya jenazah.
5. Sunat solat jenazah di masjid dalam bilangan tiga saf.

Fasal Kelima

Hukum Mengebumikan Jenazah

a) Hukum Mengebumikan Jenazah:

1. Wajib:
   (i) Mayat orang Islam dan kafir zimmi.
   (ii) Janin yang keguguran yang memiliki tanda hidup atau sudah mula terbentuk rupa manusia.
2. Sunat:
   (i) Janin yang keguguran dan belum zahir bentuk manusia.
3. Harus:
   (i) Mayat kafir harbi. Melainkan baunya menyakiti orang ramai, maka ketika itu menjadi wajib.

b) Cara Mengebumikan Jenazah:

- Sekurang-kurang pengebumian (kadar yang wajib) ialah satu lubang yang mampu menutupi bau jenazah dan menghalang binatang buas daripada menggalinya kembali.
- Kadar yang paling sempurna ialah lubang yang menyamai kadar seseorang yang tinggi yang mengangkat tangannya.
- Dua jenis liang:
  (i) *Laḥd* (اللَّحْد): Lubang di tepi dan ini yang sunat.
  (ii) *Shāq* (الشَّاقّ): Lubang di tengah seumpama parit.

c) Masalah:

1. Sunat berkumpul selepas pengebumian, berdoa dan memohon keampunan bagi jenazah.
2. Haram mengebumikan dua jenazah yang berlainan jantina dalam satu liang sekiranya tiada talian mahram.
3. Sunat ziarah kubur bagi lelaki secara mutlak. Adapun bagi perempuan, sunat menziarahi makam Nabi ﷺ dan orang soleh serta kaum kerabatnya. Selain daripada itu, makruh bagi para perempuan.
4. Sunat talkin selepas pengebumian dalam keadaan duduk dan orang yang mendengar dalam keadaan berdiri.

FAEDAH:

- Berkabung adalah dibolehkan bagi kaum kerabat dan ia diharuskan tidak melebihi tiga hari.
- Menangis adalah dibolehkan. Apa yang ditegah ialah meratap.

وَاللهُ أَعْلَمُ،

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،

وَالْحَمْدُ للهِ رَبِّ الْعَالَـمِينَ.

محمد أيمن بن غزالي بن مودا البَايُونْجِي

يوم الثلاثاء، ٣/ ١/ ٢٠٢٣م